



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
(*Ministry of Science, Technology and Innovation*)
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil Selangor



26 Julai 2011

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 4/2011

PERUBAHAN DALAM SISTEM PENGISYTIHARAN SYARIKAT (*SELF DECLARATION*) BERKENAAN PERMIT DI BAWAH AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

1. Sepertimana yang telah dimaklumkan melalui Pekeliling STA (Awam) 1/2011 yang dikeluarkan pada 30 Jun 2011 oleh Sekretariat Perdagangan Strategik MITI, adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang melaksanakan aktiviti yang dikawal di bawah STA untuk menentukan sama ada barangan tersebut adalah strategik atau tidak. Pengisytiharan ini dilakukan melalui borang K2, K8 dan lain-lain borang pengisytiharan Kastam yang berkaitan secara *online* bermula 1 Julai 2011.
2. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat beberapa masalah teknikal dalam sistem *online*, **tempoh percubaan sehingga 31 Julai 2011 terpaksa dipanjangkan sehingga satu tarikh yang akan ditentukan kemudian.**
3. Sepanjang tempoh baru ini:
 - i. Pihak Kastam Diraja Malaysia tidak akan melakukan sebarang validasi terhadap maklumat permit STA, walaupun Sistem Maklumat Kastam:
 - telah menolak permit STA (*rejected by Customs*); dan
 - permit STA menunggu perakuan Kastam Diraja Malaysia (*awaiting Customs acknowledgement*).
 - ii. Syarikat yang mengeksport Barangan Strategik dengan permit STA perlu mengisytihar barangan mereka sebagai '**Tidak Strategik**' melalui **borang K2, K8 dan lain-lain borang pengisytiharan Kastam** yang berkaitan dan **mengisi nombor permit STA** di ruangan catatan (*remarks column*). Ini adalah bagi **permit STA** yang **dikeluarkan online** dan juga **secara manual.**

4. Selain ini, sepertimana yang digariskan melalui Pekeliling STA (Awam) 1/2011, Kastam Diraja Malaysia masih tidak boleh menjadikan kod tarif kastam sebagai panduan menahan sebarang penghantaran barangan yang kebetulan menggunakan kod tariff yang sama sedangkan pihak syarikat telahpun mengisytiharkan barangan tersebut sebagai bukan Barangan Strategik.

5. Kesemua perubahan yang digariskan di atas adalah berkuatkuasa dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai notis pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Sekretariat Perdagangan Strategik menggunakan alamat di bawah.

Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik

Sekretariat Perdagangan Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

No. Tel : +603-6205 2613

No. Faks : +603-6205 2264

E-mel : allsts@miti.gov.my

Laman Web : www.miti.gov.my